Bahagian B
[30 *markah*]

Soalan 21
Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

(*a*) *Tandakan (✓) bagi kata ganda yang betul berdasarkan ayat-ayat di bawah.*

(i) Kamal begitu _____ ketika menggunakan gergaji itu ketika memotong kayu supaya tidak cedera.

beria-ia ( ) berhati-hati ( ) bersungguh-sungguh ( )

(ii) Encik Hassan _____ di luar bilik temu duga itu ketika menunggu gilirannya untuk dipanggil oleh panel penemu duga.

bolak-balik ( ) kacau-bilau ( ) mundar-mandir ( )

[2 *markah*]

(*b*) *Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.*

(i) Ketua Kampung telah diundang untuk _____ Sukaneka Kejiranan di padang awam itu.	mengiktiraf
(ii) Golongan belia perlulah _____ diri untuk menghadapi cabaran pada masa depan.	merasmikan
(iii) Malam Jasamu Dikenang diadakan untuk _____ sumbangan dan bakti guru-guru di sekolah itu.	mempersiapkan
(iv) Sultan Selangor telah _____ pembukaan Ujian Tilawah Al-Quran peringkat negeri Selangor.	menyempurnakan

[2 *markah*]